

→ ISU

POKOK PERANGKAP MAUT

# Spesies tak sesuai ditanam tepi jalan

→ Pokok hiasan ditanam patut diberi ruang cukup elak tekanan: Pakar

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**K**egagalan perancang bandar menyediakan ruang mencukupi dan penanaman spesies yang tidak sesuai menjadi 'perangkap maut' yang boleh mengundang kemalangan serta kerosakan harta benda.

Ahli Arbor atau pakar penjagaan pokok bertauliah, Mohd Zailani Jamil, berkata pokok hiasan yang ditanam di antara bangunan dan pinggir jalan sepatutnya diberikan ruang mencukupi untuk menyokong pertumbuhannya.

Katanya, kawasan penanaman yang kecil mengakibatkan pokok mengalami tekanan kerana akar tidak dapat berkembang untuk mencari makanan, selain gagal menampung bebanan percambahan dahan dan ranting.

**Pokok alami tekanan**

"Lazimnya, kita ingat manusia saja yang boleh mengalami tekanan apabila terpaksa hidup dalam ruang yang sempit dan dikongkong daripada menjalankan urusan seharian.

"Pokok juga sebenarnya boleh mengalami tekanan jika ditanam di kawasan yang kecil. Keadaan itu mengundang kepada pelbagai pe-

nyakit disebabkan serangan bakteria dan serangga perosak.

"Penyakit ini menyebabkan batang pokok menjadi rapuh mengakibatkan ia mudah tumbang atau dahannya patah apabila berlaku keadaan cuaca buruk seperti angin kencang dan hujan lebat seperti yang sering berlaku ketika ini," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, seorang pelajar Tingkatan Empat sebuah sekolah maut ditimpa dahan pokok sewaktu menunggang motosikal di Taman Desa Ayer Molek Seksyen 1, Melaka.

Dalam kejadian jam 7.30 pagi itu, Muhammad Nor Danial Mohd Khir, 16, yang menunggang motosikal jenis Yamaha 15ZR dalam perjalanan dari rumahnya di Taman Kelubi, Jasin, ke sekolah.

**Berat lebih spesifikasi**

Mohd Zailani berkata, sesetengah spesies pokok yang ditanam di pinggir jalan dan antara bangunan di negara ini, sebenarnya seolah-olah seperti 'perangkap maut' kerana ketinggian serta beratnya yang melebihi spesifikasi ditetapkan.

Antara spesies pokok berkenaan adalah *Spathodea campanulata* atau nama tempatan pancut pancut; *Albizia falcataria* (batai) dan *Khaya senegalensis* (khaya).

"Spesies pokok ini sepatutnya ditanam di kawasan terbuka, bukan pinggir jalan dan antara bangunan kerana kemalangan boleh berlaku jika aspek penyelenggaraan tidak dijalankan secara berkala.

"Selain itu, penanaman pokok bersaiz besar dan tinggi di kawasan tertentu harus menepati garis panduan dikeluarkan Jabatan Landskap Negara (JLN) bagi menjamin faktor keselamatan orang awam," katanya.

**GARIS PANDUAN PENANAMAN POKOK HIASAN**



Sumber: Jabatan Landskap Negara